**Siaran Media**

------------------------------------------------------------

# Teach For Malaysia Sertai Inisiatif Belajar dari Rumah Yayasan YTL

*FrogAsia dan Felow Teach For Malaysia Membangunkan Kandungan Dalam Talian untuk Pelajar Malaysia*

**KUALA LUMPUR, 31 Mac 2020 -** Teach For Malaysia, yang mana para felownya berpengalaman mengajar di sekolah kerajaan berkeperluan tinggi di seluruh negara sejak 2012, menjadi rakan kongsi terbaru yang menyertai Yayasan YTL di dalam usahanya untuk memastikan semua pelajar di Malaysia dapat terus belajar dari rumah di sepanjang tempoh penutupan sekolah akibat Covid-19.

Pada 25 Mac 2020, Yayasan YTL dengan kerjasama YTL Communications dan FrogAsia telah melancarkan Inisiatif Belajar Dari Rumah bagi membolehkan pembelajaran secara dalam talian dari rumah dengan menggunakan rangkaian YES YTL Communications dan kandungan serta platform digital FrogAsia. Di bawah inisiatif ini, ibu bapa boleh mendaftar bagi mendapatkan kad SIM YES 4G percuma dengan 40GB data dan akses kepada sumber pembelajaran serta Aplikasi FrogPlay Mobile yang menawarkan lebih daripada 5,000 kuiz ulang kaji secara percuma.

Sejak inisiatif tersebut dilancarkan, Yayasan YTL telah menerima maklum balas yang memberangsangkan, dengan majoriti mereka yang berdaftar datangnya daripada golongan berpendapatan rendah yang tinggal di kawasan separuh bandar dan luar bandar. Dengan adanya data percuma, keluarga-keluarga ini boleh mengakses sumber-sumber bagi membantu anak-anak mereka belajar dari rumah.

Felow dan Alumni Teach For Malaysia secara sukarela akan meluangkan masa mereka untuk berganding bahu dengan FrogAsia bagi menghasilkan modul pembelajaran dalam talian yang berinovasi dan menarik merangkumi mata pelajaran  Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris untuk Darjah Satu hingga Tingkatan Lima. Felow dan Alumni yang terlibat, masing-masing akan menggunakan pengalaman mengajar yang tidak ternilai di sekolah kerajaan berkeperluan tinggi di seluruh negara bagi membentuk kandungan yang mudah dikuti serta dapat menarik minat para pelajar, tanpa mengira tahap penguasaan mereka dalam subjek berkenaan. Ia dilaksanakan demi mencapai matlamat inisiatif ini iaitu untuk memastikan tiada anak-anak yang ketinggalan dalam pendidikan mereka.

Mata pelajaran berkenaan dibangunkan secara khusus agar meliputi bahagian kurikulum sekolah kebangsaan yang tidak dapat diikuti oleh para pelajar akibat penutupan sekolah-sekolah dalam tempoh beberapa minggu ini. Mata pelajaran tersebut akan dimasukkan ke dalam bank mata pelajaran Bahasa Inggeris yang telah pun diterbitkan oleh FrogAsia pada minggu ini. Satu lagi rakan pembangun kandungan iaitu Pelangi, telah menyusun kuiz-kuiz di dalam FrogPlay Mobile dan turut menyediakan kandungan untuk mata pelajaran FrogAsia.

Pengerusi Teach For Malaysia, YAM Tunku Ali Redhauddin ibni Tuanku Muhriz berkata, “Inisiatif membawakan pembelajaran dalam talian kepada golongan masyarakat yang kurang berkemampuan ini selari dengan misi dan nilai teras Teach For Malaysia, selain daripada memastikan sesi pengajaran

**Head Office**
YTL Foundation (4215701-A)
32nd Floor, Menara YTL,
205, Jalan Buikit Bintang
55100, Kuala Lumpur, Malaysia

Tel +(603) 2038 0088
Web ytlfoundation.com

di sekolah di mana Felow kami ditempatkan dapat diteruskan. Oleh itu, bagi pihak Lembaga Pemegang Amanah, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yayasan YTL dan FrogAsia kerana memberi peluang kepada kami untuk membangunkan kandungan yang boleh diakses oleh semua, menerusi platform mereka. Kepada para ibu bapa dan pelajar, saya ingin menggalakkan anda untuk mengakses sumber pembelajaran dalam talian seperti aplikasi FrogPlay Mobile bagi memastikan semua orang dapat terus belajar, di sepanjang tempoh yang sangat mencabar ini."

Pengasas Bersama dan Pengarah Urusan Teach For Malaysia, Dzameer Dzulkifli ketika menjelaskan lebih lanjut tentang peranan pertubuhan berkenaan menambah, "Felow Teach For Malaysia dipilih dari kalangan graduan dan profesional muda paling berbakat di negara ini. Sejak program Felow ini dimulakan pada 2012, 450 Felow Teach For Malaysia telah mencurahkan bakti mereka kepada 130,000 pelajar di sekolah-sekolah berkeperluan tinggi di seluruh negara, yang majoritinya terdiri dari kalangan keluarga kumpulan pendapatan bawah 40% (B40)."

Yayasan YTL akan sentiasa aktif mencari rakan kongsi dan kolaborator baru bagi menjadikan pembelajaran dari rumah sebagai satu pengalaman yang memberangsangkan dan menyeronokkan buat para pelajar kita, mendorong mereka agar sentiasa tekun belajar dari rumah.

Mata pelajaran Teach For Malaysia-FrogAsia boleh didapati di https://ytlfoundation.org/learn. Mata pelajaran ini bersama-sama dengan aplikasi FrogPlay Mobile boleh dimuat turun secara percuma tanpa mengira sama ada ibu-bapa telah mendaftar untuk mendapatkan SIM YES 4G. Apa yang diperlukan ialah sambungan Internet dan sebuah telefon pintar atau peranti mudah alih.

Sila kunjungi www.ytlfoundation.org/learn untuk mendaftar FrogPlay Mobile dan memohon kad SIM prabayar YES 4G. Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai inisiatif ini, ikuti kami di https://www.facebook.com/ytlfoundation atau @ytlfoundation di Instagram dan Twitter.

**- tamat -**

**About YTL Foundation**

YTL Foundation (421570-A) was founded in 1997 on the belief that education is the basis on which every society progresses. By developing and improving education in the communities in which it operates, YTL Foundation aims to empower individuals and communities to be catalysts of change to enrich and benefit society. Over the years, YTL Foundation has provided aid to deserving individuals who would otherwise be denied opportunities to pursue higher education. More recently, YTL Foundation expanded its role; organising workshops, talks and conferences to enrich and inspire educators, students and parents, as well as programmes to bring 21st Century teaching and learning into schools. Through programmes, funding, thought leadership and by championing the use of technology, backed by the YTL Group's 65 year heritage of nation building, YTL Foundation hopes to build better societies, through better education.

For more information about YTL Foundation, kindly visit www.ytlfoundation.org

**About Teach For Malaysia**

Teach For Malaysia is an independent, not-for-profit organisation on a mission to provide all children in Malaysia the opportunity to attain an excellent education. We believe that a child's education and

future should not be determined by their circumstances in life – so we recruit our country's rising generation of leaders to be part of the solution to the challenges faced by our communities today.

We partner with the Ministry of Education to recruit outstanding graduates and young professionals to become full-time teachers in high-need schools through our highly selective two-year Fellowship programme. We are proud to be one of the 50 partners in the global education network, Teach For All.

For more information about TFM, kindly visit www.teachformalaysia.org or follow us on Instagram at @TeachForMsia

**About FrogAsia and FrogPlay Mobile**

FrogAsia Sdn Bhd (968641-K) is a social enterprise that aims to transform teaching and learning through technology. With a mission to provide equal access to quality education for all students, we offer 21st-century learning solutions through a technology-based approach. Our virtual learning environment, the Frog VLE, is a simple, fun and engaging platform that enhances the teaching and learning experience. The platform is adopted and adapted from Frog Education UK, an award-winning education company with nearly 20 years of experience in providing the award-winning Frog Virtual Learning platform to schools used by 12 million students, teachers and parents worldwide.

FrogPlay Mobile is a gamified learning home revision app with revision quizzes for all core subjects for all years. Quizzes on FrogPlay are aligned with the national Malaysian school syllabus and is curated with content partner, trusted education publisher, Pelangi. The app engages learners in a fun and interactive way through revision questions and games. The FrogPlay Mobile application is available on Android and iOS.

FrogAsia has won Platinum trophies for the Excellence in Provision of Literacy & Education Award in the Global CSR Award 2017 and 2019 for providing quality education to schools nationwide. FrogAsia's educational programmes, Leaps of Knowledge and the Word Mania Challenge, have been recognised with the Gold Award for Brand Excellence in the Education Sector at the CMO Asia Global Brand Excellence Awards 2014, and the Gold Award for Best Use of Games/Contests/Quizzes at the A+M Asia Pacific Loyalty and Engagement Awards 2014. The Frog VLE Platform has received the BETT Awards for Open Educational Resources in 2018, and Exporting Excellence category in the Education Investor Awards 2017.

For more information about FrogAsia, kindly visit www.frogasia.com

**About YTL Communications**

YTL Communications Sdn Bhd (793634-V), is a global frontrunner in 4G Internet and operates a robust "YES" 4G network in Malaysia with nationwide population coverage across the country.

YES is the first and still the only PURE 100% 4G Mobile Operator in Malaysia. In 2019, YES successfully emerged as the second country in the world and the first in Asia to deploy Terragraph in partnership with Facebook and as of July 2019, has deployed the world's largest Terragraph network in the world in Georgetown, Penang, offering the world's fastest public Wi-Fi.

In deploying access to the learning content and FrogPlay Mobile quizzes, all Malaysian parents irrespective of geography and township will have equal access to the best in pure 4G connectivity. Consistency of data to empower learning in these uncertain times is a requisite so that the future of our nation’s children will not be compromised and this is YES’ commitment to ensuring that Amazing Things Happen When You Say YES.

YES has chosen to answer the call of the nation in these challenging times by going above and beyond to ensure all Malaysian parents will have access to the necessary data for education and to this we say, YES to Education.

For more information about YES and its services, kindly visit www.yes.my.